



Ruj. Tuan : PESB/DOSH/BOILER/0415-002
Ruj. Kami: JKKP IS 127/682/2-2015/515
Tarikh : 7 JUL 2015

Pengarah
Pioneer Engineering Sdn Bhd
No. 14, Level 1 & 2
Paka Business Centre
23100 Paka
Terengganu

Tuan,

PENDAFTARAN SEBAGAI SYARIKAT PEMBAIKPULIH DANDANG STIM DAN PENGANDUNG TEKANAN TAK BERAPI

No. Pendaftaran : BT 21/515
Tempoh Kelulusan : 23 Jun 2015 hingga 22 Jun 2018

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah meluluskan permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat tuan sebagai **Syarikat Pembaikpulih** bagi skop berikut :-

- i) PVR 01 - Pengandung Tekanan Tak Berapi
- ii) SBR 01 - Dandang Stim

3. Kelulusan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:-

- i. Jabatan ini hendaklah diberitahu sekiranya terdapat sebarang pertukaran, tambahan atau pemindahan pada nama syarikat, alamat dan pegawai teknikal. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kelulusan ini ditarik balik;**
- ii. Sebelum kerja-kerja baikpulih boleh dijalankan, pihak tuan mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Jabatan ini;
- iii. Segala prosuder kerja-kerja baikpulih dandang stim dan pengandung tekanan tak berapi mestilah mengikut apa yang dinyatakan di dalam ' *Quality Control Manual* ' yang telah disemak dan diterima oleh Jabatan ini dan sebarang perubahan yang akan dilakukan pada ' *Quality Control Manual* ' mestilah mendapat kelulusan dari Jabatan ini;
- iv. Semua kerja-kerja kimpalan mestilah dibuat oleh pengimpal yang diluluskan oleh Jabatan atau pihak Badan Kuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (*Welding Procedure Specification*) yang diluluskan. Semua kerja kimpalan hendaklah dijalankan di bawah penyeliaan yang rapi oleh pegawai kawalan mutu pihak tuan sendiri;

- v. Pihak tuan dikehendaki mengambil perhatian terhadap **rekod kerja** setiap projek yang dijalankan, antaranya termasuk :-
- a. Surat Kebenaran Menjalankan Pengubahsuaian daripada Jabatan;
 - b. Prosedur Baikpulih Dandang Stim/Pengandung Tekanan Tak Berapi;
 - c. Rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan (WPS) dan Rekod Ujian Kelayakan Pengimpal (WQT);
 - d. Rekod Kimpalan Ke atas Pengandung Tekanan Tak Berapi (Kej. 175A);
 - e. Rekod Ujian Tanpa Musnah (NDE) dan Ujian Hidrostatik (JKJ 127);
 - f. Rekod Pengurusan Keselamatan.

Rekod-rekod kerja yang lengkap hendaklah disimpan secara tersusun rapi bagi memudahkan jabatan membuat semakan semasa audit pembaharuan pendaftaran ;

- vi. Semua kerja baikpulih dandang stim dan pengandung tekanan tak berapi hendaklah dibuat di premis seperti di bawah :

**Lot PT8193 , Kawasan Perindustrian Teluk Kalong
24007 Kemaman, Terengganu**

atau di tempat dandang stim atau pengandung tekanan tak berapi tersebut dipasang

- vii. Pihak tuan mestilah mematuhi kehendak-kehendak peraturan dan arahan Jabatan ini yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
4. Pihak tuan perlu menghubungi jabatan ini **sekurang-kurangnya Sembilan puluh (90) hari** sebelum tarikh tamat kelulusan untuk tujuan kajisemula kelulusan yang diberi.
5. Kelulusan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa diberi sebarang sebab oleh **Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Malaysia** sekiranya syarat-syarat di atas dan lain-lain syarat Jabatan ini tidak dipatuhi.
6. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat seperti di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(IR. IBRAHIM BIN MD. DOL)
b/p Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

s.k. Semua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri